

24/05/1997

Pelajar ITM menang juara cipta logo

KUALA LUMPUR, Jumaat - Penuntut tahun akhir Institut Teknologi Mara, Muhamad Azid Abdul Latif, dipilih sebagai pemenang dalam pertandingan mencipta logo Hari Kebangsaan 1997.

Rekaan Muhamad Azid, 22, dipilih sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 30 April lalu.

Menurut Urusetia Pertandingan Mencipta Logo Hari Kebangsaan 1997, pelajar itu kejayaan menerima wang tunai RM5,000, sijil penyertaan dan cenderahati Hari Kebangsaan.

Sambutan Hari Kebangsaan kali ke-40 ini bertema 'Akhlaq Mulia Masyarakat Jaya'.

Muhamad Azid yang mengikuti Kursus Sarjana Senireka Grafik berasal dari Johor dan adalah anak kedua daripada sembilan beradik.

Sebelum ini, dia hanya terbabit dengan penciptaan logo persatuan dalaman ITM, sebelum memenangi beberapa hadiah saguhati dan yang terbaru muncul juara dalam mencipta logo baru Majlis Perbandaran Subang Jaya.

(END)